

Terma-terma & Syarat-syarat Khusus ini hendaklah dibaca bersama dengan Terma-terma & Syarat-syarat Am, Terma-terma & Syarat-syarat Penyelesaian Family First, Penyelesaian Islamic Family First dan Akaun Matawang Asing; dan Terma-terma & Syarat-syarat yang mentadbir Kad AmBank/AmIslamic.

## 1. Takrifan-takrifan Dan Pentafsiran

1.1. Mengikut terma-terma dan syarat-syarat di sini dan dalam Jadual-jadual dan Lampiran-lampiran bersama-sama ini (sekiranya ada), perkataan-perkataan dan pernyataan-pernyataan disini harus membawa maksud-maksud yang dinyatakan kecuali di mana konteks tersebut mempunyai maksud yang berlainan:-

“AmBank”	bermaksud AmBank (M) Berhad (No. Syarikat: 8515-D)/AmIslamic Bank Berhad (No. Syarikat: 295576-U) ( mana yang berkenaan), syarikat-syarikat yang ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Syarikat, 1965 yang mempunyai alamat berdaftaranya di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, No. 55 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur, pendulu dalam hakmilik, pewaris hakmilik dan pemegang serah hak mereka.
“ANZ”	bermaksud Australia and New Zealand Banking Group Limited (ABN 11 005 357 552), sebuah syarikat yang didaftarkan di Australia yang beralamat di ANZ Centre, Tingkat 9, 833 Collins Street, Docklands, Melbourne, 3008, Australia.
“Akaun ANZ”	bermaksud akaun ANZ Access Advantage yang dibuka oleh Pelajar selaras dengan Terma-terma & Syarat-syarat ANZ Saving & Transaction Products dan Terma-terma & Syarat-syarat ANZ Personal Banking Account.
“Borang Pembukaan Akaun ANZ”	bermaksud borang ‘Non-Residents ANZ Access Advantage Account Application Form’
“Pelajar”	bermaksud pelajar yang berniat untuk belajar, atau pelajar yang telah diterima untuk belajar di Institusi Pengajian di Australia.
“Ahli”	bermaksud individu yang membuka atau telah mempunyai Penyelesaian Family First, Penyelesaian Islamic Family First dan/atau Akaun Matawang Asing dengan Bukti Penerimaan Masuk bagi tujuan menerima Hak-hak Istimewa Get Set.
“Bukti Penerimaan Masuk”	bermaksud Surat Kemasukan/Penerimaan yang sah untuk meneruskan pengajian di Institusi Pengajian di Australia.

## 2. Penyelesaian AmBank-ANZ Get Set

2.1. AmBank-ANZ Get Set Solution merangkumi perkhidmatan-perkhidmatan dan hak-hak istimewa seperti berikut:

- 2.1.1. Membantu memudahkan pembukaan Akaun ANZ selaras dengan Terma-terma & Syarat-syarat Khusus ini; dan/atau
- 2.1.2. Hak-hak Istimewa Get Set seperti yang dinyatakan di Klausa 4 Terma-terma & Syarat-syarat Khusus ini.

## 3. Kemudahan pembukaan Akaun ANZ

3.1. Kemudahan ini disediakan kepada semua Pelajar yang berniat untuk belajar, atau mereka yang telah diterima

untuk belajar, di institusi pengajian di Australia termasuk pekerja-pekerja AmBank dan syarikat-syarikat berkaitannya tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di sini dan terma-terma, syarat-syarat lain yang berkaitan dan/atau prosedur-prosedur dalaman yang mentadbir AmBank.

- 3.2. AmBank akan membantu memudahkan pembukaan Akaun ANZ dengan menyediakan Borang Pembukaan Akaun ANZ kepada Pelajar. Setelah Borang Pembukaan Akaun ANZ dilengkapkan, AmBank akan menghantar Borang Pembukaan Akaun ANZ yang telah dilengkapkan oleh Pelajar kepada ANZ bagi pihak Pelajar dalam tempoh dua (2) hari perniagaan/bekerja.
- 3.3. Pembukaan Akaun ANZ adalah tertakluk kepada budi bicara mutlak ANZ. AmBank tidak akan bertanggungjawab sekiranya permohonan Pelajar ditolak oleh ANZ.
- 3.4. Operasi Akaun ANZ adalah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat berkaitan dengan akaun ANZ tersebut, iaitu Terma-terma dan Syarat-syarat ANZ Saving & Transaction Products dan Terma-terma & Syarat-syarat ANZ Personal Banking Account. Pelajar adalah dinasihatkan supaya menghubungi ANZ secara terus untuk sebarang maklumat lanjut tentang Terma-terma & Syarat-syarat ANZ yang berkenaan.
- 3.5. Pelajar dinasihatkan supaya menghubungi ANZ secara terus untuk sebarang maklumat lanjut berkenaan dengan Akaun ANZ. Sebarang maklumat yang diberikan oleh kakitangan AmBank berkenaan dengan Akaun ANZ dan perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan hanyalah perlu dianggap sebagai panduan sahaja dan tidak harus ditafsirkan sebagai representasi atau jaminan bagi pihak ANZ atau AmBank.
- 3.6. AmBank tidak akan bertanggungjawab dan/atau mempunyai liabiliti ke atas sebarang kerugian dan semua akibat daripada atau yang berlaku disebabkan oleh sebarang maklumat dan perkhidmatan yang diberikan bagi memudahkan pembukaan Akaun ANZ.

#### 4. Hak-hak Istimewa Get Set

##### 4.1. Kelayakan

- 4.1.1. Ahli-ahli Penyelesaian Family First/Penyelesaian Islamic Family First dan/atau pemegang-pemegang Akaun Matawang Asing dengan Bukti Penerimaan Masuk.
- 4.1.2. Hak-hak istimewa tersebut juga diperluaskan kepada kakitangan AmBank dan syarikat-syarikatnya yang berkaitan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di sini dan terma-terma, syarat-syarat lain yang berkaitan dan/atau prosedur-prosedur dalaman yang mentadbir AmBank.
- 4.1.3. Ahli-ahli hendaklah memberikan satu salinan Bukti Penerimaan Masuk kepada AmBank semasa mendaftar untuk Penyelesaian AmBank-ANZ Get Set bagi mendapat kelayakan untuk hak-hak istimewa seperti yang dinyatakan di Klausa 4.3 di sini.

##### 4.2. Tempoh Sah

- 4.2.1. Hak-hak istimewa tersebut adalah sah dari tarikh pengeluaran Bukti Penerimaan Masuk sehingga hari terakhir dalam bulan di mana ianya tamat. Contoh: Bukti Penerimaan Masuk dikeluarkan pada 15<sup>hb</sup> Januari 2011 dengan tempoh sah sehingga 28<sup>hb</sup> Disember 2011. Oleh yang demikian, tempoh sah hak-hak istimewa tersebut adalah dari 15<sup>hb</sup> Januari 2011 sehingga 31<sup>hb</sup> Disember 2011.
- 4.2.2. Sebarang permohonan untuk lanjutan tempoh sah adalah tertakluk kepada persetujuan daripada AmBank dan penyerahan Bukti Penerimaan Masuk yang baru.

##### 4.3. Hak-hak Istimewa

- 4.3.1. Ahli-ahli dikehendaki menyebut 'Get Set' supaya layak untuk hak-hak istimewa tersebut semasa menjalankan urusan niaga.
- 4.3.2. Di mana ianya sentiasa tertakluk kepada budi bicara mutlak AmBank, Hak-hak Istimewa Get Set adalah termasuk:
  - 4.3.2.1. Kadar Istimewa Pertukaran Matawang Asing untuk Dolar Australia
  - 4.3.2.2. Yuran Rendah untuk Kiriman Wang bagi Bank Penerima
  - 4.3.2.3. Manfaat-manfaat Kad Kredit AmBank / Kad AmIslamic Bank.

##### 4.4. Kadar Istimewa Pertukaran Matawang Asing untuk Dolar Australia

- 4.4.1. Kadar Istimewa Pertukaran Matawang Asing untuk Dolar Australia merujuk kepada kadar dengan

- potongan diskaun dari kadar semasa Pertukaran Matawang Asing AmBank untuk Dolar Australia.
- 4.4.2. Kadar Istimewa Pertukaran Matawang Asing layak digunakan dalam keadaan-keadaan berikut:
    - 4.4.2.1. Pemindahan-pemindahan keluar dana (iaitu Pemindahan Telegraf dan Draf Permintaan) kepada Pelajar di mana namanya adalah seperti yang dinyatakan dalam Bukti Penerimaan Masuk yang dikemukakan dan Bank Penerima ialah ANZ; dan/atau
    - 4.4.2.2. Penukaran Ringgit Malaysia kepada Dolar Australia bagi tujuan penempatan ke dalam Akaun Semasa Matawang Asing AmBank dan/atau Simpanan Tetap Matawang Asing AmBank.
  - 4.4.3. Kadar Istimewa Pertukaran Matawang Asing adalah tidak terpakai bagi urus niaga-urus niaga e-remittance di AmOnline.
- 4.5. Yuran Rendah untuk Kiriman Wang bagi Bank Penerima
- 4.5.1. Yuran rendah untuk kiriman wang di sini adalah merujuk kepada yuran dengan potongan diskaun dari kadar semasa caj-caj pemindahan telegraf Bank Penerima.
  - 4.5.2. Yuran rendah untuk kiriman wang adalah terpakai dalam keadaan-keadaan berikut:
    - 4.5.2.1. Pemindahan-pemindahan keluar dana (Pemindahan Telegraf sahaja) kepada Pelajar di mana namanya adalah dinyatakan dalam Bukti Penerimaan Masuk yang dikemukakan dan Bank Penerima adalah ANZ.
  - 4.5.3. Yuran rendah untuk kiriman wang adalah tidak terpakai bagi urus niaga-urus niaga e-remittance di AmOnline.
- 4.6. Manfaat-manfaat Kad Kredit AmBank / Kad AmIslamic Bank
- 4.6.1. Pemegang-pemegang kad AmBank/AmIslamic yang baru dan yang sedia ada dan juga merupakan Ahli Penyelesaian AmBank-ANZ Get Set akan menikmati manfaat-manfaat seperti berikut:
    - 4.6.1.1. Pengeneapan Cukai Perkhidmatan Kad ke atas kad tambahan untuk Pelajar di mana namanya adalah dinyatakan dalam Bukti Penerimaan Masuk yang dikemukakan;
    - 4.6.1.2. Gandaan Mata AmBonus ke atas yuran-yuran pengajian yang dibayar dan tiket-tiket penerbangan yang dibeli dengan menggunakan Kad AmBank/AmIslamic oleh pemegang kad Utama dan/atau pemegang kad tambahan Pelajar di mana namanya adalah dinyatakan dalam Bukti Penerimaan Masuk yang dikemukakan.
    - 4.6.1.3. 0% AmFlexi untuk 6 bulan bagi perbelanjaan minimum sebanyak RM1000; dan
    - 4.6.1.4. 0% AmFlexi untuk 9 bulan bagi perbelanjaan minimum sebanyak RM2000.
5. Lain-lain
- 5.1. AmBank mempunyai hak untuk mengubah, menangguh, menarik balik atau membatalkan sebarang atau semua terma-terma dan syarat-syarat, perkhidmatan-perkhidmatan dan hak-hak istimewa Penyelesaian AmBank-ANZ Get Set dari masa ke semasa mengikut budi bicara mutlaknyanya dengan memberikan notis terlebih dahulu.
  - 5.2. Ahli adalah terikat dengan Terma-terma dan Syarat-syarat AmBank berkenaan dengan produk perbankan, produk perkhidmatan, pelaburan-pelaburan dan hak-hak istimewa seperti yang tertakluk bagi setiap produk sebagai tambahan kepada Terma-terma dan Syarat-syarat Khusus di sini.
  - 5.3. Pelajar dan Ahli tidak boleh menyerahkan hak dan/atau memindahkan mana-mana hak, manfaat, dan/atau tanggungjawabnya dibawah terma-terma di sini, dan/atau sub-kontrak mana-mana tanggungjawabnya secara penuh atau sebahagiannya, kecuali dengan persetujuan secara bertulis daripada AmBank terlebih dahulu.
  - 5.4. Semua terma dan syarat yang ditetapkan disini hendaklah ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.
  - 5.5. Versi Bahasa Malaysia Terma-terma dan Syarat-syarat Khusus ini boleh diperolehi di laman web [ambankgroup.com](http://ambankgroup.com). Pelajar dan/atau Ahli diwajibkan untuk menyemak Terma-terma dan Syarat-syarat yang diterbitkan di laman web [ambankgroup.com](http://ambankgroup.com) untuk versi terkini.